

Penyokong Asri dijangka tewas kali ini

ALUR SETAR, Isnin — Nasib Datuk Abu Bakar Umar dalam Pas akan ditentukan bila Pas kawasan Kota Setar mengadakan mesyuarat agungnya di sini Rabu ini.

Mesyuarat itu akan memilih ahli-ahli jawatankuasa baru termasuk Yang Dipertua yang kini dipegang oleh Datuk Haji Abu Bakar.

Berikutan perkembangan politik Pas, kedudukan Datuk Haji Abu Bakar dijangka tergugat dalam pemilihan kali ini.

Bellau yang juga Ahli Parlimen Kota Setar adalah tokoh paling lama menjadi Yang Dipertua Pas kawasan Kota Setar.

Penyokong kuat Datuk Haji Asri Muda itu mungkin tidak dapat mempertahankan kedudukannya di bawah kepimpinan baru.

Dua tokoh lain iaitu Timbalan Yang Dipertua kawasan itu Haji Zanusi bin Haji Saleh dan Ketua Pemuda Encik Said Yasin dijangka menjadi pencabar utama merebut jawatan itu.

Kalangan Pas Kota Setar meramalkan Encik Said yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Langgar-Limbung akan mendapat percalonan yang paling banyak bagi jawatan Yang Dipertua kawasan.

Yang Dipertua kawasan secara automatik akan terpilih bersama dua orang lagi untuk menjadi wakil kawasan ke muktamar agung parti itu di Kuala Lumpur pada 29 April ini.